

11 DEC 1996

Ibrahim-Pilihan raya

BEKAS S46 DALAM SENARAI CADANGAN CALON BN UNTUK PULAI CHONDONG

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Beberapa nama termasuk bekas anggota Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang telah menyertai Umno dicadangkan sebagai calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Pulau Chondong 6 Jan ini.

Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Haji Ibrahim Ali yang menyatakan perkara itu hari ini berkata, calon BN bagi kawasan itu akan ditentukan oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi BN.

"Sama ada calon itu daripada mereka yang sudah berada dalam Umno ataupun daripada kalangan bekas anggota S46 yang baru menyertai Umno, itu tidak menjadi soal. Pada kita jentera parti di Kelantan, walau siapa sahaja yang dipilih oleh Presiden parti, kita akan bekerja untuk memastikan calon BN menang," katanya kepada pemberita ketika ditemui di pejabatnya di sini.

Kerusi kawasan itu menjadi kosong berikutan kematian wakilnya Kapt (B) Mohamad Noor Ahmad pada 4 Dis lepas. Dalam pilihan raya umum tahun lepas, Allahyarham memenangi kerusi itu dengan tiket S46, menewaskan calon BN Ahmad Sukri Hassan dengan majoriti 3,945 undi.

S46 telah dibubarkan pada Oktober lepas dan para anggotanya secara beramai-ramai menyertai Umno.

Suruhanjaya Pilihan Raya telah menetapkan 26 Dis sebagai hari penamaan calon dan 6 Jan sebagai hari mengundi bagi puilihan raya kecil itu.

Mengenai kenyataan Ketua Penerangan PAS Pusat Haji Abdul Halim Abdul Rahman, yang juga Timbalan Menteri Besar Kelantan bahawa Pulau Chondong ialah kubu kuat Umno, Ibrahim berkata jika itu hakikatnya, Pas tidak harus bertanding di situ sebaliknya memberi kemenangan kepada BN untuk memudahkan rakyat.

Beliau menyifatkan kenyataan itu sebagai gimik politik Pas untuk mengekalkan kekuatan moral parti itu kerana sudah menjangka akan kalah di situ.

Umno tidak menganggap kawasan itu kubu kuatnya kerana parti itu telah tewas dalam dua pilihan raya sebelum ini, katanya.

Ibrahim bagaimanapun melahirkan kebimbangan dengan masalah hujan musim tengkujuh di negeri itu sekarang kerana ia boleh menyebabkan peratusan yang keluar mengundi akan berkurangan.

"Jika ini berlaku, ia (keputusan pilihan raya kecil itu) tidak memberi gambaran sebenar," katanya. -- BERNAMA

AFY NMO